

Kerajaan Sabah Tidak Pernah Berhenti Menyelesaikan Isu Wanita, Kanak-Kanak Bernama
7 Jun, 2013

KOTA KINABALU, 7 Jun (Bernama) -- Kerajaan Negeri Sabah tidak pernah berhenti berusaha menyelesaikan isu wanita dan kanak-kanak di negeri ini, kata Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Sabah Datuk Jainab Ahmad Ayid.

"Walaupun Majlis Penasihat Wanita Sabah, kumpulan pemikir kerajaan negeri untuk pembangunan wanita, masih belum mempunyai barisan pemegang jawatan secara rasmi bagi 2013/2014, program-program sedia ada dilaksanakan oleh Jabatan Hal Ehwal Wanita Negeri.

"Pembangking tidak harus minta saya diam dan jalankan kerja saya. Mereka tidak lihat apa yang sedang kami lakukan. Apa yang mereka tahu buat ialah merungut apabila kami, iaitu kerajaan, sedang sibuk menyelesaikan masalah-masalah," katanya kepada pemberita selepas melawat Agensi Anti Dadah Kebangsaan negeri di sini Jumaat.

Jainab mengulas komen Anggota Dewan Undangan Negeri Api-Api Christina Liew terhadap kenyataan Jainab yang didakwa telah dipetik di luar konteks oleh sebuah akhbar setempat.

Pada Rabu, Liew mengingatkan Jainab supaya menumpukan pada kerja di kementeriannya daripada memperbesar-besarkan kes rogol membabitkan seorang pengurus restoran berumur 40 tahun yang kemudiannya berkahwin dengan mangsanya yang merupakan gadis bawah umur.

"Saya agak kecewa dengan artikel yang keluar di akhbar itu. Saya telah mengadakan mesyuarat dalaman dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Sabah dan diminta mengulas kes rogol itu namun saya enggan kerana ia merupakan kes mahkamah.

"Tetapi saya mempersoalkan komen Christina Liew terhadap saya berdasarkan artikel yang ditulis secara salah dan tidak memberikan komen terhadap rakan-rakan pembangkangnya yang kini menggesa bagi perlindungan internet kerana kes rogol itu. Ini berat sebelah!"

Jainab berkata aktivis sivil dan bekas presiden Majlis Peguam Datuk S. Ambiga menjadikan kes rogol itu sebagai contoh dalam ucapannya pada forum awam di George Town, Pulau Pinang yang turut dihadiri Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=954674>